

Newspaper	Berita Harian
Date	4/4/2014

BH

4 APRIL 2014 © JUMAAT

Pak Lah tahu diintip NSA

BH - 4/4/2014

» Bekas PM
sahkan
pendedahan
majalah Jerman

Oleh Iftwan Tun Tuah
iftwan@bh.com.my

► Rembau

Tun Abdullah Ahmad Badawi semalam mengesahkan beliau tahu diawasi Agensi Keselamatan Negara (NSA) Amerika Syarikat (AS) ketika masih memegang jawatan Perdana Menteri.

Malah, Perdana Menteri kelima itu juga berkata, beliau tahu seorang lagi rakyat Malaysia dipantau agensi yang sama berikutan kaitan individu berkenaan dengan satu projek membabitkan dua negara yang dicurigai AS.

"Ketika itu, saya diminta mengesyorkan mereka (syarikat Malaysia) untuk mendapatkan projek di luar negara. Projek yang mereka minta itu di sebuah negara yang dicurigai



Abdullah **bersalaman dengan penuntut Sekolah Tinggi Islam As Sofa** pada program lawatan ke Sekolah Tinggi Islam As Sofa di Rembau, semalam.
[FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH]

oleh AS. Disebabkan itu, saya diheret dalam perkara itu.

"Ada lagi seorang, dia jual barang (dihantar dari Kuala Lumpur) yang dianggap tidak tidak diterima (oleh AS)," katanya yang juga Penasihat Kehormat Yayasan Sofa, pada sidang media selepas melawat Sekolah Tinggi Islam As Sofa bersama isterinya, Tun Jeanne Abdullah, di sini semalam.

Sabtu lalu, sebuah majalah mingguan Jerman, *Der Spiegel*

mendedahkan satu dokumen rahsia bertarikh 2009, menunjukkan nama bekas Perdana Menteri berkenaan tersenarai dalam kalangan pemimpin dunia yang disasarkan NSA untuk pengawasan.

Dokumen didedahkan

Dokumen itu yang didedahkan bekas kontraktor NSA, Edward Snowden kepada wartawan, turut menunjukkan nama 10 pemimpin negara

lain, termasuk Presiden Belarus, Alexander Lukashenko dan bekas Presiden Colombia, Alvaro Uribe. *Der Spiegel* melaporkan senarai penuh dokumen itu mempunyai 122 nama pemimpin dunia.

Abdullah yang yakin pengawasan itu dibuat disebabkan AS mengawasi setiap perkembangan di Asia Barat, berkata beliau bagaimanapun langsung tidak bimbang dengan tindakan berkenaan.